

30/03/2001

RM125 juta sebulan tingkat ekonomi domestik

KUALA LUMPUR, Khamis - Sebanyak RM125 juta sebulan atau RM1.5 bilion setahun akan membantu menggerakkan perniagaan domestik berikutan pengurangan caruman pekerja sebanyak dua peratus ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Langkah mengurangkan sumbangan pekerja daripada 11 kepada sembilan peratus itu membabitkan 9.5 juta pencarum KWSP.

KWSP dalam satu kenyataan hari ini menyatakan, kadar baru sembilan peratus caruman itu mula dipotong bagi gaji bulan April, yang perlu dibayar sebelum 21 Mei ini.

"Langkah ini berkuat kuasa untuk tempoh selama setahun sehingga gaji bulan Mac 2002. Bagaimanapun, caruman bulanan majikan kekal pada kadar yang sama iaitu 12 peratus," katanya.

Keputusan itu selaras dengan pengumuman kerajaan kelmarin sebagai salah satu langkah meningkatkan perbelanjaan ke arah merangsang ekonomi dalam usaha mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS).

KWSP menegaskan, pengurangan caruman pekerja itu tidak akan menjejaskan kegiatan pelaburannya.

Ia menyatakan, jadual caruman baru berdasarkan kadar caruman yang dipinda akan diedarkan kepada semua majikan tidak lama lagi. Jadual kadar baru itu juga boleh diperolehi melalui laman web KWSP (<http://www.kwsp.gov.my/kwsp>) mulai 1 April ini.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah mengurangkan caruman pekerja sebanyak dua peratus itu adalah wajib walaupun kerajaan sedia mengkajinya.

"Ia adalah wajib, payah nak buat secara sukarela," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Koridor Raya Multimedia (MSC)-Teknologi Makmal Lucent Bell 2001 di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia mengkaji semula langkah itu jika orang ramai tidak menyetujuiinya.

"Kalau mereka (pencarum) tak hendak, kita boleh kaji semula. Tetapi masalah kita ialah sementara mereka tidak hendak potongan, mereka juga meminta supaya kerajaan menaikkan gaji dan sebagainya.

"Kita tak mampulah (naikkan gaji) sekarang ini," katanya diminta mengulas reaksi berbeza orang ramai termasuk kesatuan sekerja yang tidak setuju dengan cadangan mengurangkan caruman itu.

Dengan pengurangan itu, pekerja yang mencarum dalam KWSP akan mendapat lebih pendapatan dua peratus. Sebagai contoh, jika seseorang itu menerima gaji RM2,000 sebulan, mereka hanya perlu mencarum RM180 berbanding RM220 sebulan.

Bagaimanapun, Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berpendapat, pekerja harus dibenar membuat pilihan sama ada untuk memilih atau tidak dengan pengurangan itu.

Dr Mahathir berkata, wang yang dipungut oleh KWSP agak besar dengan kutipan bulanan mencecah RM1.6 bilion dan menjelang akhir tahun ini, jumlah dananya melebihi RM200 bilion.

"Dana itu semakin berkembang. Kita perlu melaburkannya dan tidak banyak tempat di mana kita boleh melaburkan dana itu dan memperolehi pulangan daripadanya.

"Oleh itu adalah lebih baik jika kita berbelanja sedikit, tidak terlalu banyak. Ia cuma sementara (pengurangan dua peratus)... tidak akan menjejaskan simpanan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia mempunyai kadar penabungan yang sangat tinggi iaitu 40 peratus berbanding negara lain.

(END)